

Menyemarak Budaya Membaca

Oleh Jakaria Dasan



Penyelidikan yang konsisten mencakupi pelbagai aspek sosio, ekonomi, politik, budaya, pendidikan dan sebagainya turut menjadi intipati kepada kajian ilmiah yang dilakukan oleh ahli-ahli akademik UMS. Hasil-hasil kajian ini kemudiannya dibukukan oleh Penerbit UMS, selaku unit yang diberi tanggungjawab yang penuh untuk memastikan kesinambungan komitmen 'publish or perish' dalam kalangan ahli akademik UMS. Terdapat banyak buku-buku ilmiah yang sebenarnya sesuai untuk dibaca oleh masyarakat umum. Selain memberi manfaat keilmuan, penerbitan buku-buku karya ahli akademik UMS bakal meningkatkan lagi budaya membaca dalam kalangan warganya.

Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran – Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)

Salah satu daripada buku-buku yang diterbitkan ialah buku mengenai masyarakat peribumi negeri Sabah. Buku hasil tulisan Siti Aidah Hj Lokin yang bertajuk "Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran – Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)," memperincikan dengan cukup lengkap dan tersusun akan perkembangan masyarakat peribumi Sabah sedasawarsa sebelum merdeka. Kronologi Masyarakat Peribumi Sabah Sedasawarsa Sebelum Merdeka disingkap seawal kewujudan kelompok masyarakat awal peribumi negeri Sabah sehinggalah Sabah merdeka menerusi Malaysia pada 16 September 1963.

Buku ini mengandungi enam bab semuanya. Bab Pertama menceritakan mengenai sejarah awal negeri Sabah dan masyarakat peribuminya sebelum kedatangan kuasa-kuasa Barat. Bab Dua membawa pembaca ke era pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (1881-1942). Bab Tiga menerangkan mengenai perkembangan masyarakat peribumi semasa pendudukan Jepun ketika Perang Dunia Kedua meletus (1942-1945). Bab Empat menyorot kembali perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat pasca Perang Dunia Kedua. Bab Lima menjejak semula kesedaran berpolitik masyarakat peribumi sehingga tahun 1963. Manakala, Bab Enam merupakan kesimpulan kepada kupasan-kupasan yang telah ditulis dengan terperinci dan menarik oleh penulis dari Bab Pertama hingga Bab Lima.

Dengan membaca buku ini, pembaca bukan sahaja dapat mengetahui fakta sejarah masa lalu, malah pembaca juga seolah berada dalam setiap dasawarsa masa itu.

Arkeologi Maritim Borneo – Kajian di Tanjung Simpang Mengayau

Terdapat banyak tempat menarik di Sabah yang sering menjadi daya tarikan untuk para pelawat dari dalam dan luar negara datang mengunjunginya. Tempat-tempat menarik itu bukan hanya mengekalkan ciri-ciri semula jadinya malah mempunyai artifak-artifak sejarah yang kerap menjadi sumber kajian dan rujukan para penyelidik dari seluruh dunia. Namun, masih banyak yang boleh dilakukan bagi memastikan tempat-tempat menarik itu 'mesra pelawat.' Sudah tentu ianya memerlukan komitmen pihak kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat itu sendiri. Selain itu, penemuan khazanah lama yang melambangkan keadaan hidup masyarakat silam seperti yang terdapat di dasar laut di sekitar perairan Tanjung Simpang Mengayau contohnya, wajar diabadikan secara serius bagi memperkembangkan dan meningkatkan lagi pakej daya tarikan Tanjung Simpang Mengayau khasnya, dan negeri Sabah amnya.

Dalam hubungan ini, buku bertajuk "Arkeologi Maritim Borneo – Kajian di Tanjung Simpang Mengayau" hasil tulisan dan suntingan Baszley Bee Basrah Bee dan Bilcher Bala, dua orang penyelidik dan pensyarah Universiti Malaysia Sabah menyingkap lebih lanjut mengenai potensi Tanjung Simpang Mengayau sebagai pusat warisan kebudayaan bawah air Borneo. Selama tiga dekad perkembangan arkeologi maritim Malaysia, banyak penemuan tapak baharu dan kajian yang telah dilakukan sama ada dari perspektif ilmiah mahupun salvaj komersil. Pada dua dekad awalnya, perkembangan lebih tertumpu kepada perairan Selat Melaka dan bahagian timur Semenanjung Malaysia. Penjarahan tapak Risdam di perairan Mersing pada tahun 1983 hinggalah usaha salvaj tapak Royal Nanhai pada tahun 1996 telah membayangkan perkembangan arkeologi maritim negara ini. Walau bagaimanapun, senario ini mula berubah apabila perkembangan arkeologi maritim Malaysia memasuki alaf baharu pada abad ke-21.

Asas Kesihatan Masyarakat

"Homo sapiens iaitu spesies manusia moden masa kini didapati telah menunjukkan usaha-usaha untuk mencapai kemandirian dan kesejahteraan diri. Kenyataan ini dibuktikan menerusi hasil tinggalan fosil dan tamadun yang dikembangkan beberapa ribu tahun lalu. Dalam tempoh tersebut, telah berlaku peralihan demografi, epidemiologi,

pemakanan dan sebagainya. Ketika peralihan demografi, didapati kadar kematian dan kelahiran manusia yang tinggi telah berubah rendah. Dari sudut peralihan epidemiologi pula, perubahan kadar prevalens didapati tinggi dari penyakit berjangkit kepada penyakit tidak berjangkit. Sementara itu, peralihan pemakanan pula mengalami perubahan dari corak pemakanan individu dan penduduk yang rendah kalori serta lemak kepada yang tinggi lemak dan protein. Kesemua perubahan ini menggambarkan keupayaan manusia untuk mengawal alam sekitarnya dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam semua bidang ilmu." Prof. Dr. Osman Ali, Asas Kesihatan Masyarakat, Penerbit UMS.

Walaupun buku ini merupakan salah satu daripada teks rujukan untuk para pelajar Sekolah Perubatan, karya ini sebenarnya wajar dimiliki oleh setiap individu atau keluarga. Hal ini demikian kerana kandungan buku yang begitu komprehensif dan mudah difahami adalah amat sesuai untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai peri pentingnya menjaga dan memelihara diri serta keluarga daripada terdedah kepada gangguan ataupun ancaman kesihatan. Apatah lagi dengan krisis kesihatan pada masa ini akibat daripada pelbagai jangkitan virus seperti influenza H1N1 yang membimbangkan itu.

Pembentukan Modal Insan Cemerlang: Pendekatan Ekonomi Islam

Penulis buku ini, Prof. Madya Dr Hj Kasim Hj Md Mansur, menyentuh mengenai kepentingan pembangunan modal insan dalam organisasi. Kesinambungan kecemerlangan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada keterampilan dan kecemerlangan modal insan yang dimiliki oleh sesebuah organisasi tersebut. Buku beliau membincangkan dan mengupas pembentukan modal insan mengikut pendekatan Islam. Salah satu topik utama penulisan buku ini ialah mekanisme atau tadbir urus modal insan menurut Islam. Islam bukan hanya berkisar tentang hal-hal keagamaan semata-mata, tetapi merupakan satu cara hidup yang lengkap dan komprehensif.

Modal insan menurut Islam membincangkan insan kamil yang bercirikan ketelusan, penuh tanggungjawab dan bebas daripada elemen-elemen yang boleh membawa kehancuran bukan hanya terhadap individu tersebut, malah mengundang malapetaka kepada organisasi, masyarakat dan negara. Kecemerlangan akan tercapai jika hubungan yang intim wujud antara majikan dan pekerja. Selanjutnya dalam buku tersebut, Dr Hj Kasim membincang secara terperinci tentang doktrin rangka kerja Islam, pengharaman riba, sumber halal dan haram, undang-undang harta pusaka, peranan institusi zakat serta penetapan harga faktor seperti gaji atau upah pekerja. Isu-isu yang berkaitan dengan perburuhan secara umumnya dibincang berpandukan firman-firman Allah SWT dan beberapa hadis Rasulullah SAW. Topik-topik seperti buruh wanita dan buruh kanak-kanak juga antara isu yang dihuraikan oleh beliau dalam buku tersebut.

Itu hanyalah sebahagian daripada kupasan buku yang diterbitkan oleh Penerbit UMS. Masyarakat umum dialu-alukan untuk mendapatkan pelbagai buku ilmiah dengan topik yang menarik dengan menghubungi Pejabat Unit Penerbitan di Perpustakaan UMS.